

Taib Arkitek Pembangunan Sarawak Moden

Utusan Sarawak 14 Okt.

KOTA SAMARAHAN, Sabtu — Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kajian Pembangunan) kepada Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud pada Majlis Konvokesyen Ke-16 yang diadakan di dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA) Kampus Barat Unimas hari ini.

Dalam ucap jasa sempena penghargaan berkenaan Naib Canselor Unimas Profesor Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid berkata, berdasarkan sumbangan Pehin Sri Taib yang meliputi seluruh aspek kehidupan Sarawak, Unimas mencadangkan beliau dinobatkan sebagai Arkitek Pembangunan Sarawak Moden.

Menurutnya, ini untuk menghargai sumbangan Pehin Sri Taib dalam memajukan negeri Sarawak yang hampir seluas Semenanjung Malaysia, untuk membawa pembangunan yang menyeluruh ke seluruh negeri merupakan tugas dan cabaran yang berat dan memerlukan pemikiran yang tuntas dan komprehensif.

“Pada hari ini kita dapat menyaksikan pembangunan Sarawak dari Limbang di utara hingga ke Kuching di Selatan, dari pesisiran ke pedalaman, dari kampung Melayu dan Melanau meninggalkan rumah pan-

jang Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, tidak kira mereka yang tinggal di bandar atau pedalaman Belaga dan di tanah tinggi Bario tidak ada yang boleh menafikan terlepas dari hasil kesan dan nikmat politik pembangunan dan dasar realiti baharu,” katanya.

Katanya, ketajaman pemikiran, komitmen padu, keikhlasan dalam perjuangan untuk mengubah Sarawak dari segi prasarana, sosial, ekonomi, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan modal insan sesungguhnya mewajarkan Pehin Sri Taib diberi gelaran Arkitek Pembangunan Sarawak Moden.

“Dengan sentuhan kepintaran dan komitmen jitu beliau, kemiskinan hampir manjadi nota kaki dalam lembaran sejarah dan kejahilan tersirna dan hampir terkubur di dalam muzium, kini Sarawak dapat berbangga kerana dapat berdiri sama tinggi dengan negeri-negeri maju yang lain di negara kita,” ujarnya.

Katanya, politik pembangunan Ketua Menteri telah berjaya meningkatkan taraf hidup mengurangkan kadar kemiskinan merapatkan jurang antara bandar dengan luar bandar serta melahirkan generasi yang bukan sahaja celik huruf tetapi pintar, berilmu dan mahir.